

21/03/1998

MSC hubung bandar bestari dunia: PM (HL)

Azizi Othman in Hanover

HANOVER, Jumaat - Koridor Raya Multimedia (MSC) akan dihubungkan ke beberapa bandar raya bestari di seluruh dunia menerusi lebuhraya maklumat global, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, apabila usaha penyambungan itu dilaksanakan dalam fasa kedua program pembangunan MSC, ia dijangka mempunyai lebih 250 syarikat beroperasi di dalamnya.

Menurutnya, menjelang tahun 2020 kerajaan juga berharap supaya seluruh Malaysia akan menjadi MSC dengan sejumlah 12 bandar raya bestari dihubungkan ke beberapa bandar seumpamanya di seluruh dunia.

"Ketika itu, jumlah syarikat bertaraf dunia yang terbabit dalam MSC diharapkan sudah melebihi 500," katanya berucap pada Persidangan Pelabur MSC sempena pameran CeBIT '98 di sini, hari ini.

Persidangan itu dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) untuk memberi pendedahan kepada pelabur terutama dari Eropah mengenai projek MSC bagi menarik minat mereka menyertainya.

Dr Mahathir berada di sini dalam rangka lawatan kerja tiga hari bermula semalam. Mengiringi beliau ialah sekumpulan kira-kira 40 usahawan dari Malaysia.

CeBIT ialah pameran berasaskan teknologi maklumat (IT) terbesar di dunia yang disertai hampir semua syarikat terkemuka dalam bidang berkenaan. Tahun ini, hampir 30 syarikat Malaysia menyertainya.

Menurut Perdana Menteri, MSC juga dijangka mempunyai sebuah mahkamah siber yang selain berfungsi sebagai makmal ujian bagi teknologi baru, ia juga dapat membantu memaju serta mempengaruhi peradaban maklumat sejagat.

"Ini kerana globalisasi maklumat akan membuatkan kita berdepan dengan konflik kawalan dan pelesenan serta menangani kesan sosial buruk yang timbul daripada limpahan maklumat tidak bertapis serta bergerak cepat," katanya.

Perdana Menteri berkata, ketika ini projek pembangunan MSC sudah setahun mendahului jadual dengan semua infrastruktur asasnya giat disediakan menerusi konsep laluan cepat.

"Sambutan yang diterima adalah di luar jangkauan dan 84 daripada 110 syarikat yang diberi status MSC, sudah memulakan operasi mereka.

"Sejak April tahun lalu, kita menerima 180 permohonan. Daripada jumlah itu, 34 peratus ialah syarikat asing, 43 peratus (Malaysia) dan 23 peratus (usaha sama tempatan-asing). Sejumlah 12 peratus permohonan daripada syarikat asing ialah dari Eropah," katanya.

Menurutnya, belum setahun MSC dilancarkan, ia sudah mula memperlihatkan nilai yang mampu diunjurkan oleh syarikat era-maklumat.

Perangkaan MDC menunjukkan syarikat MSC mencatatkan peningkatan pelaburan nilai ditambah yang tinggi iaitu pada nisbah perolehan berbanding pelaburan dengan kadar 3:1.

Bagi semua syarikat yang memohon status MSC, perolehan menjelang tahun kelima operasinya dianggarkan berjumlah RM13 bilion manakala unjuran keuntungannya hampir RM5 bilion. Semua itu dijangka diperolehi daripada pelaburan berjumlah RM4 bilion.

Dr Mahathir berkata, penubuhan MSC juga kini sudah berjaya membenihkan kelompok industri berasaskan perkhidmatan yang baru seperti pembangunan perisian, ciptaan kandungan, animasi, telekomunikasi dan penyiaran.

Dari segi guna tenaga, beliau berkata jumlah keperluan pekerja mahir dengan syarikat MSC dijangka mencatat 23,000 selepas tahun kelima

operasinya.

"Itulah sebabnya mengapa kerajaan baru-baru ini mengumumkan peluasan pengiktirafan status MSC kepada institusi pengajian tinggi (IPT) supaya ia dapat membekal guna tenaga yang diperlukan," katanya.

Dr Mahathir berkata, menyedari infrastruktur 'halus' bagi MSC memerlukan inovasi khusus, kerajaan yang sentiasa prihatin dengan keperluan pelabur asing juga menjanjikan pelbagai kelonggaran.

(END)